

## KARNIVAL VARSITY IMT-GT KE-11



Oleh: Azilawati Suanda

Pada 27 Mac hingga 2 April yang lalu, telah berlangsung Karnival Varsiti IMT-GT kali ke-11 di mana Universiti Malaysia Perlis telah diberi mandat dan kepercayaan oleh Ahli Majlis Karnival IMT-GT untuk menjadi tuan rumah bagi menjayakan karnival tersebut. Program yang berbentuk pengantarabangsaan kepada mahasiswa/i di universiti yang terletak di Wilayah Segi Tiga IMT-GT iaitu melibatkan tiga negara Indonesia, Malaysia dan Thailand.

Karnival IMT-GT ini telah menggabungkan 3 acara iaitu acara sukan, persembahan kebudayaan serta bengkel dan seminar pemimpin pelajar telah dapat membentuk semangat berpasukan yang kuat di antara satu sama lain. Selain itu, karnival ini memberi peluang kepada para pemimpin pelajar bertukar pandangan dan idea bagi memperluaskan pengalaman dan pengetahuan kepada sesebuah institusi berkenaan.

Beberapa pra-program telah dilaksanakan bagi memantapkan penganjuran karnival tersebut. Diantaranya ialah Majlis Pelancaran Maskot, Laman Web dan Lagu Karnival Varsiti IMT-GT kali ke-11 yang telah berlangsung pada 11 Mac 2009 di Dewan Keikhlasan UniMAP. Maskot pada karnival kali ini telah dikenali sebagai 'Si Pintar' dimana ia melambangkan identiti mahasiswa/i di setiap universiti.

Dengan penganjuran Karnival Varsiti IMT-GT kali ke-11 ini, UniMAP amat berterima kasih di atas mandat dan kepercayaan yang telah diberikan dan menganggapnya sebagai satu pengiktirafan kepada UniMAP yang merupakan sebuah universiti Bongsu dalam keanggotaan Majlis Karnival IMT-GT.